



TEKS UCAPAN

YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM

KETUA PENGARAH

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BIL. 3/2021

TARIKH:

25 MAC 2021 (SELASA)

SECARA HYBRID

(MENERUSI APLIKASI ZOOM DAN SECARA FIZIKAL)

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara dan saudari pengerusi majlis.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal yang juga memangku tugas sebagai Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan

YANG BERUSAHA DR. CHANTARA THEVY RATNAM

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

YANG BERUSAHA DR. HUSAINI SALLEH

Pengarah

Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran

Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini.

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat ilahi yang mengizinkan kita untuk bertemu sekali lagi dalam majlis yang seharusnya mendekatkan warga Nuklear Malaysia.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Perhimpunan Bulanan Bagi Bulan Mac 2021 kali ini dihoskan oleh Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran (BKS). Saya difahamkan, bersempena dengan sambutan Hari Wanita yang jatuh ada bulan ni iaitu pada 8 Mac, maka tema perhimpunan kita pada pagi ini adalah “ Wanita Bangkit Mendepani Cabaran”. Tema ini dipilih bagi meraikan sumbangan wanita di Nuklear Malaysia.

3. Kebetulan pula kita baru sahaja selesai menganjurkan Konferens WiN Malaysia (WiN My) yang telah berakhir pada semalam. Dalam persidangan yang dihadiri lebih 100 peserta lelaki dan wanita secara online ini, telah membuka ruang perkongsian hasil penyelidikan dan juga meraikan wanita yang berjaya dalam bidang nuklear. Satu segmen khas telah memberikan tribute kepada *First Lady o Physic*, iaitu Dr. Wu Chen Shiung yang sangat kurang dikenali dikalangan warga Nuklear Malaysia. Pelbagai ilmu yang dapat dipelajari dari pengalaman pakar fizik ini. Kisah hidupnya adalah kecintaan beliau kepada ilmu dan kecekalan dan kesungguhan untuk berjaya dalam era yang mana wanita dipandang rendah dan hanya dibenarkan memasuki universiti melalui pintu belakang. Jadi, saya menyeru para hadirin sekalian untuk keluar dari *comfort zone* masing-masing dan mencabar diri masing-masing untuk lebih maju ke hadapan dalam menjalankan penyelidikan dan tugas masing-masing.

Tuan tuan dan Puan puan yang dikasihi sekalian

4. Ini merupakan perhimpunan pagi yang pertama kalinya dilakukan secara hybrid iaitu gabungan perhimpunan fizikal dan secara maya. Seramai 150 jemputan secara fizikal dan 300 jemputan adalah secara atas talian. Alhamdulillah, sebagaimana YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum, bahawa Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang berkuatkuasa mulai 5 Mac 2021 sehingga 18 Mac 2021. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berterusan, pejabat-pejabat Kerajaan telah diarahkan untuk beroperasi sepenuhnya dengan kehadiran pegawai 100% bagi perkhidmatan penting (*essential services*) dan maksimum 30% adalah bagi perkhidmatan lain.

5. Kita masih lagi berjuang menangani COVID-19 semenjak setahun yang lepas. Dalam suasana getir ini warga Nuklear Malaysia sendiri tidak lepas dari menerima jangkitan COVID-19 atau perlu melalui kuarantin kerana bersituasi kontak rapat. Walau bagaimanapun, keadaan adalah masih terkawal hasil kerjasama seluruh warga Nuklear Malaysia dengan mengikut arahan dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

6. Sepanjang tempoh ini, terutamanya diperingkat awal perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beberapa sumbangan amal PPE dari

Nuklear Malaysia kepada barisan hadapan telah di atur oleh BKS sebagai tanda turut sama berjuang memerangi COVID-19.

7. Usaha menangani penularan COVID-19 ini telah diperkukuhkan dengan mewujudkan pasukan sanitasi yang terdiri daripada kakitangan BKS dan gabungan kakitangan dari pelbagai bahagian telah berjaya melakukan kerja-kerja sanitasi di beberapa blok yang terdapat jangkitan. Usaha pasukan sanitasi ini amatlah dihargai dan pihak pengurusan atasan Nuklear Malaysia mengiktiraf usaha yang dilakukan. Adalah diharapkan pasukan sanitasi ini boeh melakukan khidmat masyarakat terutamanya kepada komuniti terdekat penduduk Bangi sekiranya perlu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Pelan pelaksanaan vaksin COVID-19 telah pun dimulakan dan sedang berlangsung pada Fasa Pertama. Disini saya ingin mengingatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk mendaftar melalui aplikasi MySejahtera bagi mendapatkan giliran untuk penerimaan vaksin. Setakat ini hanya lebih kurang 6 juta penduduk yang telah mendaftar dan ini adalah anggaran 25% dari jumlah penduduk yang berumur lebih 18 tahun. Manakala sasaran untuk mendapatkan *herd immunity* adalah 80% atau 26 juta rakyat. *We still have a long way to go.* Jadi, saya mohon kepada semua untuk mendaftar vaksin dengan kadar yang segera agar program imunisasi ini berjalan dengan lancar dan mencapaisasaran yang telah ditetapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Pada minggu lepas, Jawatankuasa R&D telah bersidang untuk menilai pembentangan projek-projek yang ingin didaftarkan di RMC. Secara umum, banyak projek-projek yang berpotensi namun ada beberapa projek yang masih perlu diperkukuhkan supaya lebih memberi nilai tambah kepada Nuklear Malaysia. Saya ingin menekankan juga bahawa secara umumnya *trend* penyelidikan adalah menjurus kepada beberapa bidang antaranya pembangunan vaksin, *precision medicine* dan *diagnostic, hydrogen economy, circular economy* yang melibatkan *waste to wealth*, 4IR – khususnya IoT , AI dan *blockchain*.

10. Dalam kita asyik dengan penyelidikan yang sedang dijalankan, kita perlulah membuka mata kepada trend semasa ini. *We need to be out of our comfort zone*. InsyaAllah, pihak pengurusan akan membincangkan beberapa *top down* projek yang selaras dengan pelan strategik Nuklear Malaysia. Dalam pada itu kami juga dalam proses menjalinkan hubungan dengan rakan-rakan strategik yang boleh menyokong aktiviti Nuklear Malaysia seperti pejabat Ketua-Ketua Menteri, Menteri Besar, Badan Pemberi Dana, ATM khususnya TLDM/MAB dan MINDEF. Baru-baru ini kita mengadakan Program Sosial Korporat (CSR) di Rompin dan sambutannya adalah sangat di luar dugaan di mana ADUN Tioman telah menawarkan kawasan tersebut untuk dijadikan sebagai projek pertanian yang akan menggabungkan beberapa teknologi daripada Nuklear Malaysia.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Datang kepada kakitangan yang baharu ke Nuklear Malaysia. Selamat bertugas dan jangan risau, Nuklear disini tidak bahaya. Kepada kakitangan yang telah berpindah, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan. Kepada yang bersara, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan. Setiap titik peluh tuan-tuan dan puan-puan tidak dapat diletak nilainya. Semoga Allah swt memberikan ganjaran yang terbaik. Diharapkan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berada di bawah perlindunganNya.
11. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Keselamatan & Kesihatan Sinaran (BKS) dengan kerjasama Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan warga kerja NM yang terlibat, di atas komitmen yang telah diberikan.

..Lindungi diri .. Lindungi semua..

Sekian, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.